ياياسن ڤيراق
YAYASAN PERAK

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Ticket To Victory

# Sejarah

## Modul Cemerlang



**TERBITAN:**

SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

EDISI KEDUA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

# PRAKATA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran telah menghasilkan modul Ticket to Victory yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini adalah hasil sumbangan tenaga guru - guru berpengalaman negeri Perak. Modul ini mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2022.

Modul Ticket to Victory disediakan dalam format "pdf" dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan ulangkaji di rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina soalan mengikut format SPM. Justeru itu, diharap modul Ticket to Victory dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu "We Deliver".

Sektor Pembelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tawas Baru Utara,
Tasek Damai,
30010, Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-292 2745 / 05- 292 3603
Faks : 05 – 292 3851
2022

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
We Deliver




# PRAKATA PENGARAH PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul Ticket To Victory ini berjaya dihasilkan untuk edisi kedua.

Modul ini dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Pembinaan modul ini adalah seiring dengan perubahan format peperiksaan SPM bermula tahun 2021 berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Modul ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM menjalankan latih tubi berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti.

Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Yayasan Perak atas sumbangan dan sokongan yang berterusan dalam menjayakan pembinaan modul ini.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.

AZNAN BIN ALIAS, AMP
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK We Deliver



# PRAKATA TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul Ticket To Victory ini dapat direalisasikan untuk edisi kedua. Modul ini melibatkan 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua bidang di Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan.

Penghasilan Modul Ticket To Victory ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan - soalan telah disusun berdasarkan format terkini peperiksaan SPM seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.

Modul pembelajaran ini akan disebarluaskan kepada guru-guru melalui blog Anjung Ilmu Guru Perak. Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian. Terima kasih.

HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP
Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
We Deliver

# Isi Kandungan


| TAJUK TINGKATAN 4 | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| BAB 1 | WARISAN NEGARA BANGSA | 7 |
| BAB 2 | KEBANGKITAN NASIONALISME | 11 |
| BAB 3 | PERANG DUNIA & PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA | 18 |
| BAB 4 | ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA | 26 |
| BAB 5 | PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 | 29 |
| BAB 6 | ANCAMAN KOMUNIS & PENGISYTIHARAN DARURAT | 31 |
| BAB 7 | USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN | 33 |
| BAB 8 | PILIHAN RAYA | 38 |
| BAB 9 | PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957 | 40 |
| BAB 10 | PEMAHSYURAN KEMERDEKAAN | 46 |

| TAJUK T5 | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| BAB 1 | KEDAULATAN NEGARA | 53 |
| BAB 2 | PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN | 60 |
| BAB 3 | RAJA BERPERLEMBAGAAN & DEMOKRASI BERPARLIMEN | 63 |
| BAB 4 | SISTEM PERSEKUTUAN | 74 |
| BAB 5 | PEMBENTUKAN MALAYSIA | 79 |
| BAB 6 | CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA | 89 |
| BAB 7 | MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA | 94 |
| BAB 8 | MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA | 105 |
| BAB 9 | DASAR LUAR MALAYSIA | 109 |
| BAB 10 | KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA | 116 |

# BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

### 1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-Undang [Hukum Kanun Melaka & Undang-Undang Laut Melaka]

1. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang berasaskan syariah serta hukum adat iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

   a) Jelaskan peranan sultan seperti yang diperuntukkan dalam Hukum Kanun Melaka.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   [2 markah]

   b) Terangkan syarat-syarat pelayaran mengikut Undang-Undang Laut Melaka.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   [4 markah]

   c) Penggubalan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka telah membawa kepada kegemilangan empayar Kesultanan Melayu Melaka. Buktikan.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   [4 markah]

**1.3 Keunggulan sistem Pentadbiran dan undang-undang [Peranan pemerintah dan rakyat]**

2. Rajah berikut menunjukkan hubungan secara timbal balik semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.




a) Apakah hubungkait antara rakyat dengan pemerintah?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[3 markah]

b) Jelaskan peranan pembesar dalam sistem sosial Kesultanan Melayu Melaka.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[3 markah]

c) Hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat sangat penting dalam menjamin kegemilangan sesebuah negara.
Bagaimanakah hubungan tersebut dapat dipelihara?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

**SKEMA**

**BAB 1: KEDAULATAN NEGARA**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Jelaskan peranan sultan seperti yang diperuntukkan dalam Hukum Kanun Melaka** | |
| | F1 | Menjaga keselamatan rakyat negeri Baginda. | 1 |
| | F2 | Mewujudkan perpaduan rakyat | 1 |
| | F3 | Bertanggungjawab terhadap kemakmuran / kestabilan kerajaan | 1 |
| | F4 | Mengawal rakyat dengan memperkenalkan undang-undang | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | **Terangkan syarat-syarat pelayaran mengikut Undang-Undang Laut Melaka** | |
| | F1 | Meliputi peranan beberapa pegawai selain nakhoda | 1 |
| | C1 | Jurumudi / malim / jurubatu | 1 |
| | F2 | Menjadikan/ memastikan pelayaran selamat dan lancar | 1 |
| | F3 | Fasal 9 menjelaskan peranan malim | 1 |
| | H3a | Harus arif tentang ilmu pelayaran | 1 |
| | H3b | Mengetahui keadaan ombak, arus dan kedudukan bulan dan bintang | 1 |
| | F4 | Malim tidak boleh lalai dalam menjalankan tugas | 1 |
| | H4a | Dijatuhi hukuman bunuh | 1 |
| | H4b | Jika kelalaian menyebabkan berlaku pelanggaran / kerosakan / kemalangan | 1 |
| | | | [2 m] |
| (c) | | **Penggubalan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka telah membawa kepada kegemilangan empayar Kesultanan Melayu Melaka. Buktikan** | |
| | F1 | Menetapkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan jenayah | 1 |
| | F2 | Hukuman bunuh dikenakan ke atas kesalahan membunuh / ingkar arahan sultan/ memalsukan titah sultan | 1 |
| | F3 | Menegaskan tanggungjawab pembesar dalam pentadbiran | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F4 | Tugas/ peranan pembesar berempat / sultan dalam pelaksanaan undang-undang | 1 |
| | F5 | Pegawai yang dilantik diberikan amanah / tugasan yang khusus | 1 |
| | F6 | Memastikan pengurusan negara yang cekap | 1 |
| | F7 | Menjamin ketenteraman /keharmonian dalam masyarakat | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | 1 |
| | | | [4 m] |
| **Soalan** | | **Cadangan** | **Markah** |
| 2 (a) | | **Apakah hubungkait antara rakyat dengan pemerintah?** | |
| | F1 | Selaras dengan konsep waadat | 1 |
| | F2 | Rakyat bernaung di bawah pentadbiran sultan dan pembesar | 1 |
| | F3 | Hubungan ini dapat menggerakkan jentera kerajaan dan pemerintahan | 1 |
| | F4 | Hubungan timbal balik mengukuhkan pemerintahan sesebuah kerajaan | 1 |
| | | | [3 m] |
| (b) | | **Jelaskan peranan pembesar dalam sistem sosial Kesultanan Melayu Melaka** | |
| | F1 | Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan | 1 |
| | F2 | Menjadi perantara sultan dengan rakyat | 1 |
| | F3 | Mengutip hasil melalui sistem serah | 1 |
| | F4 | Membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah | 1 |
| | | | [3 m] |
| (c) | | **Hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat sangat penting dalam menjamin kegemilangan sesebuah negara.** **Bagaimanakah hubungan tersebut dapat dipelihara?** | |
| | F1 | Rakyat tidak boleh menderhaka kepada Raja | 1 |
| | F2 | Mewujudkan kerjasama antara pemerintah dan rakyat | 1 |
| | F3 | Pemerintah memelihara kebajikan dan keamanan negara | 1 |
| | F4 | Pemerintah memajukan ekonomi | 1 |
| | F5 | Melaksanakan pentadbiran dengan penuh tanggungjawab | 1 |
| | F6 | Pemerintah mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

# BAB 2: NASIONALISME

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

**2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat**

1. Nasionalisme di barat berkembang hasil daripada penentangan terhadap pemerintahan beraja yang menjadi simbol penindasan dan juga penjajahan kuasa asing di negara-negara yang tersenarai di bawah.

| AMERIKA | PERANCIS | BRITAIN |
|---|---|---|

a) Namakan contoh nasionalisme anti-raja yang berlaku berdasarkan penyataan diatas?

i. ______________________________

ii. ______________________________

[2 markah]

b) Mengapakah revolusi Amerika berlaku ?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 markah]

c) Berdasarkan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda. Nyatakan cara yang boleh dilakukan bagi menjaga kedaulatan negara daripada ancaman pengaruh asing ?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 markah]

## 2.7 Perkembangan Nasionalisme

2.

| |
|---|
| Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) melahirkan ramai tokoh kepada negara. Ditubuhkan di Tanjung Malim Perak pada 1922. |

a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda,apakah peranan institusi di atas dalam melahirkan semangat kesedaran bangsa ?

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

[3 markah]

b) Apakah kepentingan persatuan kepada pembangunan negara ?

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

[3 markah]

c) Sebagai seorang yang cinta kepada negara, apakah cara yang boleh dilakukan bagi mewujudkan kesetiaan kepada negara?

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

[4 markah]

# BAB 2: NASIONALISME

## BAHAGIAN B (ESEI)

### 2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

1 | Tokoh nasionalis Filipina termasuklah Jose Rizal. Nasionalis peringkat awal merupakan Gerakan Propaganda.

a) Mengapakah nasionalisme di Filipina berlaku ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

b) Gerakan Propaganda menemui kegagalan, bagaimanakah golongan nasionalisme Filipina meneruskan matlamat perjuangan mereka ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[8 markah]

c)

> Mulai 31 Ogos 1957, kita menjadi sebuah negara berdaulat dan demokratik untuk selama-lamanya yang dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan serta sentiasa menyanjung kebajikan dan kesejahteraan rakyat.
>
> Tunku Abdul Rahman
>
> *Berita Harian 21 Ogos 2021*

Berdasarkan petikan akhbar di atas, apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada perjuangan pemimpin terdahulu ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[8 markah]

**SKEMA**

**BAB 2: NASIONALISME**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Namakan contoh nasionalisme anti-raja yang berlaku berdasarkan penyataan diatas?** | 1 |
| | F1 | Revolusi Keagungan ( 1688) | 1 |
| | F2 | Revolusi Perancis (1789) | [2 m] |
| (b) | | **Mengapakah revolusi Amerika berlaku ?** | |
| | | **Revolusi Amerika** | |
| | F1 | Menentang penjajahan British | 1 |
| | F2 | British tidak melindungi penduduk Amerika | 1 |
| | F3 | Penduduk menentang Akta Pelayaran, gula, setem dan teh | 1 |
| | F4 | Tiada wakil Amerika di parlimen British | 1 |
| | F5 | Slogan tiada cukai tanpa perwakilan | 1 |
| | | | [4 m] |
| (c) | | **Berdasarkan pengetahuan sejarah dan pengetaguan am anda, Nyatakan cara yang boleh dilakukan bagi menjaga kedaulatan negara daripada ancaman pengaruh asing ?** | |
| | F1 | Rakyat berilmu pengetahuan | 1 |
| | F2 | Rakyat mengamalkan semangat cinta akan negara | 1 |
| | F3 | Rakyat patuh kepada raja dan negara | 1 |
| | F4 | Rakyat menghayati sejarah negara | 1 |
| | F5 | Rakyat hidup bersatu padu | 1 |
| | F6 | Mengadakan kempen menghayati sejarah | 1 |
| | F7 | Sejarah dijadikan syarat mendapatkan pekerjaan | 1 |
| | F8 | Sejarah menjadi subjek wajib lulus di peringkat peperiksaan | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 2 (a) | | **Berdasarkan pengetahuan sejarah anda,apakah peranan institusi di atas dalam melahirkan semangat kesedaran bangsa ?** | |
| | F1 | Melahirkan golongan penulis | 1 |
| | F2 | Wujud pejabat karang-mengarang | 1 |
| | F3 | Menjadi taman ilmu | 1 |
| | F4 | Kurikulum menitikberatkan mata pelajaran sejarah meningkatkan kesedaran kepada penuntut | 1 |
| | F5 | Wujud Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar/ Ikatan semenanjung Borneo/ Kesatuan Melayu Muda | 1 |
| | | | [3 m] |
| (b) | | **Apakah kepentingan persatuan kepada pembangunan negara ?** | |
| | F1 | Dapat menyatukan masyarakat | 1 |
| | F2 | Mewujudkan perpaduan masyarakat | 1 |
| | F3 | Hak rakyat dapat dibela | 1 |
| | F4 | Segala masalah dapat diselesaikan segera | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | [3 m] |
| (c) | | **Sebagai seorang yang cinta kepada negara, apakah cara yang boleh dilakukan bagi mewujudkan kesetiaan kepada negara?** | |
| | F1 | Mengibarkan bendera negara | 1 |
| | F2 | Mengambil bahagian dalam aktiviti negara | 1 |
| | F3 | Mengadakan kempen sayangi negara | 1 |
| | F4 | Menyokong usaha kerajaan | 1 |
| | F5 | Menghayati Prinsip Rukun Negara | 1 |
| | F6 | Mematuhi undang-undang negara | 1 |
| | F7 | Taat kepada pemerintah | 1 |
| | F8 | Menghormati pemimpin | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

**SKEMA**

**BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME**

**BAHAGIAN B (ESEI)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| (a) | | **Mengapakah nasionalisme di Filipina berlaku ?** | |
| | F1 | Menghapuskan penjajahan asing | 1 |
| | F2 | Menuntut Filipina dijadikan sebahagian wilayah Sepanyol | 1 |
| | F3 | Rakyat Filipina mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol | 1 |
| | F4 | Mendesak Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | **Gerakan Propaganda menemui kegagalan, bagaimanakah golongan nasionalisme Filipina meneruskan matlamat perjuangan mereka ?** | |
| | F1 | Idea nasionalisme lebih radikal | 1 |
| | F2 | Bonifacio menubuhkan Katipunan | 1 |
| | F3 | Kemerdekaan melalui revolusi | 1 |
| | F4 | Akhbar kalayan sebagai alat menyebarkan idea revolusi | 1 |
| | F5 | Bonifacio dan Aguinaldo memimpin Katipunan menyingkirkan Sepanyol | 1 |
| | F6 | Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika | 1 |
| | F7 | Sepanyol berjaya diusir | 1 |
| | F8 | Amerika tidak iktiraf Peristiharaan Kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo | 1 |
| | F9 | Filipina diperintah Amerika | 1 |
| | F10 | Nasionalis mengubah strategi perjuangan | 1 |
| | F11 | Guna cara diplomasi melalui parti politik | 1 |
| | F12 | Sergeo Osmena dilantik menganggotai Dewan Perhimpuna Filipina tahun 1907 | 1<br>[8 m] |
| (c) | | **Berdasarkan petikan akhbar di atas, apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada perjuangan pemimpin terdahulu ?** | |
| | F1 | Menjaga kedaulatan negara | 1 |
| | F2 | Mengamalkan sikap demokratik | 1 |
| | F3 | Berpegang kepada prinsip kebebasan | 1 |
| | F4 | Adil | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F5 | Menjaga kebajikan | 1 |
| | F6 | Menjaga kesejahteraan | 1 |
| | F7 | Pemimpin bertanggungjawab | 1 |
| | F8 | Amanah | 1 |
| | F9 | Sanggup berkorban untuk negara | 1 |
| | F10 | Menghargai jasa pemimpin | 1 |
| | | | [8 m] |

# BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

### 3.2 Latar Belakang Perang Dunia I

1. | |
|---|
| Perang Dunia Pertama berlaku dalamm kalangan negara di Eropah yang membawa persaingan antara kuasa imperialis untuk mempertahankan kepentingan masing-masing. |

(a) Senaraikan **dua** pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

(i) ____________________

(ii) ____________________

[2 markah]

(b) Sejauh manakah persaingan kuasa imperialis mencetuskan Perang Dunia Pertama?

____________________

____________________

____________________

____________________

[2 markah]

(c) Perjanjian Versailles ditandatangani sebagai jalan mengakhiri Perang Dunia Pertama. Apakah syarat yang dikenakan ke atas Jerman?

____________________

____________________

____________________

____________________

[3 markah]

(d) Jelaskan iktibar daripada peristiwa Perang Dunia Pertama.

____________________

____________________

____________________

____________________

[3 markah]

## 3.2 Perang Dunia II

2. | Perang Dunia Kedua berlaku kerana kemunculan pakatan ketenteraan dan ideologi baharu di Eropah. |
|---|

(a) Nyatakan pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

(b) Jelaskan konsep ideologi baharu tersebut.

(i) Fasisme;

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

(ii) Nazisme;

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

(c) Bagaimanakah negara di dunia dapat mengelakkan berlakunya peperangan pada masa kini?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

**BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA**

**BAHAGIAN B (ESEI)**

### 3.7 Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun

1.



Gambar di atas menunjukkan Anggota Rejimen Askar Melayu gigih menjalani latihan.

(a) Jelaskan dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh Jepun di negara kita.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

(b) Terangkan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun melalui:

(i) Force 136.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

(ii) Rejimen Askar Melayu.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

(c) Petikan berikut merupakan puisi Tun Dr Mahathir Mohamad, *"Perjuangan Belum Selesai"*.

> *Bukan kecil tugas kita*
> *Meneruskan perjuangan kemerdekaan negara*
> *Kerana rupanya selain memerdekakan,*
> *Mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara*

Berikan cadangan anda untuk menjamin kemerdekaan dan kedaulatan negara terus berkekalan.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[8 markah]

**SKEMA**

**BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| **1 (a)** | | **Senaraikan *dua* pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.** | |
| | F1 | (i) Kuasa Tengah | 1 |
| | F2 | (ii) Pakatan Bertiga | 1 |
| | | | [2 m] |
| **(b)** | | **Sejauh manakah persaingan kuasa imperialis mencetuskan Perang Dunia Pertama?** | |
| | F1 | Perkembangan Revolusi Perindustrian. | 1 |
| | H1a | menyebabkan persaingan imperialis untuk mendapatkan tanah jajahan. | 1 |
| | H1b | bagi memperoleh bahan mentah dan memasarkan hasil industri. | 1 |
| | F2 | Persaingan tersebut membawa permusuhan antara kuasa imperialis | 1 |
| | C2a | seperti Perancis dan Jerman. | 1 |
| | | | [2 m] |
| **(c)** | | **Perjanjian Versailles ditandatangani sebagai jalan mengakhiri Perang Dunia Pertama. Apakah syarat yang dikenakan ke atas Jerman?** | |
| | F1 | Jerman dikehendaki bertanggungjawab terhadap kemusnahan perang. | 1 |
| | F2 | Jerman diminta membayar pampasan perang | 1 |
| | F3 | Menyerahkan tanah jajahan mereka kepada Pakatan Bertiga. | 1 |
| | F4 | Menghadkan saiz angkatan tentera. | 1 |
| | | | [3 m] |
| **(d)** | | **Jelaskan iktibar daripada peristiwa Perang Dunia Pertama.** | |
| | F1 | Peperangan membawa kematian dan kemusnahan. | 1 |
| | F2 | Peperangan akan menjejaskan kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara. | 1 |
| | F3 | Kepentingan mempertahankan kedamaian dan keamanan dunia. | 1 |
| | M | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | 1 |
| | | | [3 m] |

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 2 (a) | | **Nyatakan pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua.** | |
| | F1 | Kuasa Paksi | 1 |
| | F2 | Kuasa Bersekutu | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | **Jelaskan konsep ideologi baharu tersebut.** | |
| | | **(i) Fasisme;** | |
| | F1 | Gerakan fasisme di bawah pimpinan Benito Musolini. | 1 |
| | F2 | Parti Fasis berjaya menguasai kerajaan Itali pada tahun 1922. | 1 |
| | | | [2 m] |
| | | **(ii) Nazisme;** | |
| | F1 | Gerakan nazisme di bawah pimpinan Adolft Hitler. | 1 |
| | F2 | Parti Nazi berjaya membentuk kerajaan di Jerman pada tahun 1933. | 1 |
| | | | [2 m] |
| (c) | | **Bagaimanakah negara di dunia dapat mengelakkan berlakunya peperangan pada masa kini?** | |
| | F1 | Menjalin hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi. | 1 |
| | F2 | Menghormati kedaulatan negara lain. | 1 |
| | F3 | Menyertai pertubuhan serantau dan antarabangsa. | 1 |
| | F4 | Mengelakkan daripada mencampuri urusan dalaman negara lain. | 1 |
| | M | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | 1 |
| | | | [4 mar] |

**SKEMA**

**BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA**

**BAHAGIAN B (ESEI)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Jelaskan dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh Jepun di negara kita.** | |
| | F1 | Pentadbiran tentera jepun melaksanakan sistem ekonomi kawalan. | 1 |
| | F2 | Rancangan pengeluaran lima tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan diperkenal | 1 |
| | H2a | untuk mengawal selia pelupusan barangan. | 1 |
| | H2b | dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan. | 1 |
| | F3 | Rancangan Perindustrian Lima Tahun diperkenalkan. | 1 |
| | H3a | untuk membangunkan industri tempatan. | 1 |
| | H3b | dan memastikan penggunaan optimum peralatan dan kemudahan sedia ada | 1 |
| | F4 | Mata wang Jepun menggantikan mata wang yang digunakan oleh British. | 1 |
| | F5 | Mata wang Jepun dicetak tanpa kawalan menyebabkan berlaku inflasi | 1 |
| | H5a | kerana banyak wang tetapi kekurangan barangan di pasaran. | 1 |
| | | | [4 m] |
| (b) | | **Terangkan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun melalui:**<br>**(i) Force 136;** | |
| | F1 | Mendapat latihan di India dan Sri Lanka. | 1 |
| | F2 | Kemudian dihantar ke Tanah Melayu melalui kapal selam atau diturunkan melalui payung terjun dari kapal terbang. | 1 |
| | F3 | Bertujuan mendapatkan sokongan orang Melayu dan menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun. | 1 |
| | F4 | Menjalankan aktiviti rahsia. | 1 |
| | H4a | seperti mengumpul maklumat, melakukan sabotaj dan menyebarkan propaganda. | 1 |
| | F5 | Membuat persiapan untuk British melancarkan Operasi Zipper | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H5a | untuk menawan Tanah Melayu semula pada tahun 1945. | 1<br>[4 m] |
| | | **(ii) Rejimen Askar Melayu;** | |
| | F1 | Bersama-sama tentera British menentang pendaratan tentera Jepun di Kelantan. | 1 |
| | F2 | Pertempuran di Singapura menunjukkan semangat juang yang tinggi. | 1 |
| | F3 | Lefternan Adnan Saidi bertempur di Bukit Candu, Singapura sehingga kehabisan peluru. | 1 |
| | F4 | Lefternan Adnan Alta Ditta MC menyelamatkan hampir 2,000 orang tentera Bersekutu yang terperangkap di kawasan pantai Johor. | 1<br>[4 m] |
| (c) | | **Berikan cadangan anda untuk menjamin kemerdekaan dan kedaulatan negara terus berkekalan.** | |
| | F1 | Mengukuhkan perpaduan kaum. | 1 |
| | F2 | Berganding bahu memajukan ekonomi negara. | 1 |
| | F3 | Berhati-hati dengan muslihat kuasa asing. | 1 |
| | F4 | Menguatkan sektor ketenteraan. | 1 |
| | F5 | Memastikan kestabilan politik negara. | 1 |
| | F6 | Mengelakkan huru-hara, rusuhan dan demonstrasi jalanan. | 1 |
| | F7 | berusaha memajukan diri dengan ilmu, kemahiran dan teknologi terkini. | 1 |
| | F8 | Mengelakkan daripada meminta campurtangan kuasa luar dalam politik negara. | 1 |
| | M | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | 1<br>[8 m] |

# BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

### 4.4 Penyerahan Sarawak kepada British

1. Perang Dunia Kedua memberikan impak besar kepada ekonomi Sarawak sehingga Vyner Brooke terpaksa menyerahkan Sarawak kepada British.

a) Terangkan faktor-faktor penyerahan Sarawak kepada British.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[3 markah]

b) Pada 2 Mei 1946, dua orang ahli Parlimen British iaitu Rees Williams dan Gammans telah melakukan tinjauan terhadap penyerahan Sarawak kepada British.
Jelaskan hasil tinjauan kedua-dua orang wakil Parlimen British tersebut.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[3 markah]

c) Jelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak kepada British

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

**SKEMA**

**BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1. (a) | | **Terangkan faktor-faktor penyerahan Sarawak kepada British.** | |
| | F1 | Vyner Brooke tua dan uzur tetapi tidak mempunyai anak lelaki untuk mengambil alih takhtanya | 1 |
| | F2 | Kerajaan British mendesak supaya Sarawak diserahkan kepada British | 1 |
| | F3 | Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan semula Sarawak selepas Perang Dunia Kedua | 1 |
| | | | [3 m] |
| (b) | (i) | **Pada 2 Mei 1946, dua orang ahli Parlimen British iaitu Rees Williams dan Gammans telah melakukan tinjauan terhadap penyerahan Sarawak kepada British. Jelaskan hasil tinjauan kedua-dua orang wakil Parlimen British tersebut.** | |
| | F1 | Sebahagian besar peribumi menentang penyerahan tersebut | 1 |
| | F2 | Orang Cina menyokong penyerahan | 1 |
| | F3 | Terdapat penduduk yang tidak memahami maksud penyerahan | 1 |
| | | | [3 m] |
| (c) | | **Jelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak kepada British** | |
| | F1 | Mengadakan persidangan | 1 |
| | H1a | dihadiri seluruh perwakilan Sarawak | 1 |
| | H1b | Objektifnya mengadakan demonstrasi pada setiap 1 Julai / menentang penyerahan Sarawak | 1<br>1 |
| | H1c | Disertai Pergerakan Pemuda Melayu (PPM), Barisan Pemuda Sarawak (BPS), Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Persatuan Melayu Miri, Kesetiaan Muda Matu dan Persekutuan Bumiputera | 1<br>1<br>1 |
| | F2 | Mengadakan demonstrasi | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H2 | Demonstrasi pertama diadakan ketika kedatangan Gabenor Pertama Sarawak (Charles Arden Clarke) di Astana (30 Okt 1946) | 1 |
| | F3 | Pegawai kerajaan meletakkan jawatan beramai-ramai | 1 |
| | H3a | membantah Pekeliling No. 9/1946 | 1 |
| | H3b | terdiri daripada guru, petugas di Pos dan Telegraf, Jabatan Marin, Kastam, Perubatan dan Kesihatan, Percetakan, Jabatan Tanah | 1 |
| | F4 | Bantahan golongan wanita | 1 |
| | H4 | Ketua Kaum Wanita Cikgu Ajibah Abol/ Cikgu Lily Eberwein bergabung tenaga dengan gerakan antipenyerahan | 1 |
| | F5 | Menggunakan akhbar | 1 |
| | H5a | Utusan Sarawak | 1 |
| | H5b | saluran menyebarkan tentangan mereka terhadap penyerahan Sarawak | 1 |
| | H5c | Pengarang menggunakan kritikan yang tajam terhadap rancangan penyerahan Sarawak | 1 |
| | F6 | Menulis surat bantahan | 1 |
| | H6a | Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) menulis surat kepada kerajaan British di London | 1 |
| | H6b | Barisan Pemuda Sarawak (BPS) hantar referendum (1949) mansuhkan penyerahan Sarawak | 1 |
| | H6c | hantar surat bantahan kepada Perdana Menteri British, Clement Attlee | 1 |
| | F7 | Menubuhkan Kumpulan Rukun 13 | 1 |
| | H7a | dipimpin oleh Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Bujang Suntong | 1 |
| | H7b | sasaran menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu | 1 |
| | | | [4 m] |

# BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

### 5.1 Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

### Cadangan PUTERA-AMCJA & Perlembagaan Rakyat

1. PUTERA-AMCJA telah berperanan penting dalam memberikan cadangan pembentukan Perlembagaan Rakyat 1947 sebagai alternatif kepada Persekutuan Tanah Melayu 1948.

a) Mengapakah PUTERA-AMCJA tidak menerima cadangan yang diberikan oleh Jawatankuasa Kerja Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

b) Senaraikan kandungan Perlembagaan Rakyat 1947 yang dicadangkan oleh PUTERA-AMCJA.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

c) Penjajah British telah menolak Perlembagaan Rakyat 1947. Nyatakan komen anda.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

**SKEMA**

**BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1. (a) | | **Mengapakah PUTERA-AMCJA tidak menerima cadangan yang diberikan oleh Jawatankuasa Kerja Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 ?** | |
| | F1 | British hanya berunding secara tertutup dengan UMNO | 1 |
| | F2 | British mengetepikan PKMM dari Jawatankuasa Kerja | 1 |
| | F3 | PUTERA-AMCJA menganggap British tunduk kepada UMNO | 1 |
| | F4 | Golongan ini anggap Perlembagaan 1948 sebagai tidak demokratik | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | **Senaraikan kandungan Perlembagaan Rakyat 1947 yang dicadangkan oleh PUTERA-AMCJA.** | |
| | F1 | Tanah Melayu disatukan dengan Singapura | 1 |
| | F2 | Kewarganegaraan yang sama bagi semua bagi semua orang yang anggap | 1 |
| | F3 | Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap dan memberikan kesetiaan | 1 |
| | F4 | Penubuhan sebuah Dewan Perundangan Pusat dan majlis-majlis negeri | 1 |
| | F5 | Raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan bertanggungjawab | 1 |
| | F6 | kepada rakyat dan menerima nasihat oleh Majlis Mesyuarat | 1 |
| | | | [4 m] |
| (c) | | **Penjajah British telah menolak Perlembagaan Rakyat 1947. Nyatakan komen anda.** | |
| | F1 | British bimbang dengan nasionalis Melayu yang radikal serta berhasrat | 1 |
| | F2 | membebaskan negara dari penjajahan | 1 |
| | F3 | menyatukan seluruh Tanah Melayu | 1 |
| | F4 | tidak mahu bertolak ansur dengan penjajah untuk mencapai kemerdekaan | 1 |
| | F5 | golongan ini menuntut kebebasan bersuara dan berhimpun | 1 |
| | F6 | berjuang pembelaan terhadap ketidakadilan British | 1 |
| | | | [4 m] |

**BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

**6.4 Kesan Zaman Darurat terhadap negara kita**

1. Darurat selama 12 tahun menyebabkan kesengsaraan dan kesulitan kepada penduduk tempatan. Pengisytiharan Darurat telah ditamatkan pada 31 Julai 1960 dan membuka lembaran baru kepada sejarah tanah air.

a) Jelaskan kesan sosioekonomi yang wujud akibat pelaksanaan darurat tersebut ?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[3 markah]

b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, wajarkah darurat dilaksanakan pada masa itu ?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[3 markah]

c) Darurat mengajar kita betapa pentingnya keamanan. Pada pandangan anda, bagaimanakah keamanan negara hari ini dapat dikekalkan ?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 markah]

# SKEMA

## BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Jelaskan kesan sosioekonomi yang wujud akibat pelaksanaan darurat tersebut ?** | |
| | F1 | Meningkatkan kos perbelanjaaan | 1 |
| | F2 | Menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan rakyat | 1 |
| | F3 | Merenggangkan hubungan kaum | 1 |
| | F4 | Korban nyawa | 1 |
| | | | [3 m] |
| (b) | | **Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, wajarkah darurat dilaksanakan pada masa itu ?** | |
| | | Wajar kerana : | |
| | F1 | Mengekang fahaman komunis | 1 |
| | F2 | Melindungi keselamatan penduduk | 1 |
| | F3 | Mengembalikan keamanan | 1 |
| | F4 | Menghalang kekejaman komunis | 1 |
| | F5 | Menghalang bantuan kepada pihak komunis | 1 |
| | F6 | Memulihkan ekonomi negara | 1 |
| | | | [4 m] |
| (c) | | **Darurat mengajar kita betapa pentingnya keamanan. Pada pandangan anda, bagaimanakah keamanan negara hari ini dapat dikekalkan ?** | |
| | F1 | Memantapkan perpaduan antara kaum | 1 |
| | F2 | Kesedaran melalui kempen di media massa, media cetak & media sosial | 1 |
| | F3 | Mengukuhkan ekonomi negara – kekayaan yang dinikmati bersama | 1 |
| | F4 | Hubungan diplomatik diperkukuhkan | 1 |
| | F5 | Meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara | 1 |
| | F6 | Memastikan semua kaum dilayan dengan adil dan saksama | 1 |
| | | | [4 m] |

# BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

### 7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

1. Jawatankuasa Hubungan Antara kaum (CLC) telah ditubuhkan oleh Sir Malcolm MacDonald pada Januari 1949 untuk menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

a) Nyatakan **dua** wakil Tanah Melayu yang menjadi anggota CLC.

(i) ______________________________

(ii) ______________________________

[2 markah]

b) Mengapakah CLC ditubuhkan ?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 markah]

c) Jelaskan kepentingan penubuhan CLC terhadap pembentukan perpaduan kaum.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 markah]

## BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

## BAHAGIAN A (ESEI)

### 7.3 Sistem Ahli

1. Sistem Ahli yang diperkenalkan pada 1 April 1951 merupakan satu langkah menyediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.

   a) Terangkan latar belakang penubuhan Sistem Ahli.

   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________

   [4 markah]

   b) Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli.

   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________

   [8 markah]

   c) Pelaksanaan Sistem Ahli meninggalkan impak yang baik terhadap penduduk tempatan di Tanah Melayu. Berikan penjelasan anda.

   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________
   ______________________________________________

   [8 markah]

**SKEMA**

**BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Nyatakan dua wakil Tanah Melayu yang menjadi anggota CLC.** | |
| | F1 | Dato' Onn Jaafar | 1 |
| | F2 | Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | **Mengapakah CLC ditubuhkan ?** | |
| | F1 | Ketegangan hubungan antara kaum selepas Perang Dunia Kedua | 1 |
| | F2 | Menimbulkan kesedaran pemimpin kaum dan kerajaan British | 1 |
| | F3 | Kepentingan perpaduan kaum | 1 |
| | F4 | Kemerdekaan hanya akan dicapai setelah wujud kerjasama antara kaum | 1 |
| | | | [4 m] |
| (c) | | **Jelaskan kepentingan penubuhan CLC terhadap pembentukan perpaduan kaum.** | |
| | F1 | Kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini diperakui | 1 |
| | F2 | Kepentingan sah kaum lain diiktiraf | 1 |
| | F3 | Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) dtubuhkan | 1 |
| | F4 | RIDA meningkatkan bantuan ekonomi kepada orang Melayu | 1 |
| | F5 | Kawasan luar bandar dimajukan | 1 |
| | F6 | Mewujudkan tolak ansur antara kaum | 1 |
| | F7 | Orang Melayu memberi persetujuan untuk melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu | 1 |
| | F8 | Melahirkan semangat patriotik serta bertanggung jawab kepada negara | 1 |
| | F9 | Penubuhan jawatankuasa pendidikan untuk membentuk sistem untuk membentuk pendidikan seragam | 1 |
| | | | [4 m] |

**SKEMA**

**BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN**

**BAHAGIAN A (ESEI)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Terangkan latar belakang penubuhan Sistem Ahli.** | |
| | F1 | Tahun 1951, Pesuruhjaya Tinggi British, Sir henry Gurney mengumumkan senarai anggota Sistem Ahli | 1 |
| | F2 | Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran | 1 |
| | H2 | Berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum diberikan kemerdekaan | 1 |
| | F3 | Anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberi tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan | 1 |
| | F4 | Dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga Jun 1955 | 1 |
| | H4 | Sebelum pilihan raya MPP diadakan pada Julai 1955 | |
| | F5 | Tiga portfolio kekal di bawah pentadbiran British | 1 |
| | H5 | Hal Ehwal Ekonomi, Perindustrian dan Perhubungan Sosial serta Perumahan dan Kerja Raya | 1 |
| | F6 | Berlaku rombakan Sistem Ahli pada tahun 1954 | 1 |
| | H6a | Beberapa portfolio baharu diwujudkan | 1 |
| | H6b | Dijawat oleh warganegara Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | H6c | yang menjadi anggota MPP | 1 |
| | | | [4 m] |
| (b) | | **Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli.** | |
| | F1 | Ali bertaraf 'Menteri' | 1 |
| | H1 | Bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan | 1 |
| | F2 | Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British | 1 |
| | H2 | Dengan persetujuan Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F3 | Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H3 | Dibentangkan dalam MPP | 1 |
| | F4 | Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British | 1 |
| | F5 | Satu sistem kabinet bayangan | 1 |
| | H5 | Terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat | 1 |
| | | | [8 m] |
| (c) | | **Pelaksanaan Sistem Ahli meninggalkan impak yang baik terhadap penduduk tempatan di Tanah Melayu. Berikan penjelasan anda.** | |
| | F1 | Rakyat tempatan diberi peluang memegang jawatan dalam pentadbiran British | 1 |
| | F2 | Pentadbiran melibatkan kaum utama di Tanah Melayu | 1 |
| | F3 | Sistem Ahli memberi pengalaman atau latihan mentadbir negara | 1 |
| | F4 | Merupakan persediaan ke arah berkerajaan sendiri atau kemerdekaan | 1 |
| | F5 | Rakyat mendapat peluang untuk memperjuangkan hak rakyat | 1 |
| | F6 | Membuka jalan kepada penduduk tempatan dalam berpolitik | 1 |
| | F7 | Kebolehan dan kepimpinan penduduk tempatan diiktiraf oleh British | 1 |
| | F8 | Memulakan proses memupuk perpaduan kaum | 1 |
| | | | [8 m] |

# BAB 8: PILIHAN RAYA

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

### 8.4 Peranan Kabinet Pertama PTM

1. Pembentukan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan selepas Pilihan Raya Umum 1955.



Kabinet Persekutuan Tanah Melayu 1955

*(Sumber: Arkib Negara Malaysia)*

a) Apakah peranan yang dimainkan oleh kabinet tersebut?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

b) Kabinet ini dianggotai oleh 10 orang menteri yang masing-masing memegang portfolio dibawah kekuasaan mereka. Namakan jawatan yang dipegang oleh ahli-ahli di bawah ?

(i) Tunku Abdul Rahman: ______________________

(ii) H.S. Lee : ______________________

(iii) Sardon Jubir : ______________________

(iv) V.T. Sambanthan : ______________________

[4 markah]

c) Andaikan anda Menteri Kesihatan dalam kabinet tersebut, apakah yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat di negara kita?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

**SKEMA**

**BAB 8: PILIHAN RAYA**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| SOALAN | | CADANGAN | MARKAH |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Apakah peranan yang dimainkan oleh kabinet tersebut?** | |
| | F1 | Membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam | 1 |
| | F2 | Menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan | 1 |
| | F3 | Mengurangkan kuasa pentadbiran British | 1 |
| | F4 | Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan | 1 |
| | F5 | Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan | 1 |
| | F6 | Memastikan pentadbiran berjalan lancar | 1 |
| | | | [4 m] |
| 1 (b) | | **Namakan jawatan yang dipegang oleh ahli-ahli di bawah ?** | |
| | | i. Tunku Abdul Rahman : Ketua Menteri | 1 |
| | | ii. H.S. Lee : Menteri Pengangkutan | 1 |
| | | iii. Sardon Jubir : Menteri Kerja Raya | 1 |
| | | iv. V.T. Sambanthan : Menteri Buruh | 1 |
| | | | [4m] |
| 1 (c) | | **Andaikan anda Menteri Kesihatan dalam kabinet tersebut, apakah yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat di negara kita.** | |
| | F1 | Membina pusat kesihatan/ klinik / hospital mesra pengguna | 1 |
| | F2 | Pendidikan kesihatan di sekolah-sekolah | 1 |
| | F3 | Kempen menjaga kesihatan | 1 |
| | F4 | Melatih doktor tempatan hingga menjadi pakar | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | [2m] |

# BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957
# (STRUKTUR)

## 9.2 Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

1.



Tokoh *x*



Tokoh *y*

a) Gambar rajah di atas menunjukkan dua tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
Siapakah mereka?

______________________________________________

[2 markah]

b) Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan menjalankan tugas berdasarkan *terma rujukan*. Jelaskan antara *terma rujukan* tersebut.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

**Keluhuran Perlembagaan**

c) Maklumat di atas adalah prinsip rukun negara ketiga yang menegaskan bahawa perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara.
Huraikan peranan anda dalam mengamalkan prinsip rukun negara yang ketiga.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

**BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

**(ESEI)**

**9.4 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu**

1. Gambar rajah di bawah dirakamkan semasa pemeteraian Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.



a) Terangkan latar belakang Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

b) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 mengandungi inti pati yang memperlihatkan unsur-unsur permuafakatan dalam kalangan rakyat.
Jelaskan inti pati tersebut.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[8 markah]

c) Kejayaan dalam pemeteraian Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipercayai akan memperkukuhkan lagi kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu.
Bincangkan bukti untuk mengukuhkan pernyataan di atas.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[8 markah]

**SKEMA**

**BAB 9 : PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

**(STRUKTUR)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Gambar rajah di atas menunjukkan dua tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.** | |
| | | **Siapakah mereka?** | |
| | F1 | Hakim B. Malik | 1 |
| | F2 | Hakim Abdul Hamid | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | **Jelaskan antara *terma rujukan* tersebut.** | |
| | F1 | Memeriksa aturan perlembagaan di seluruh Tanah Melayu | 1 |
| | F2 | Mengambil kira kedudukan dan martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu | 1 |
| | F3 | Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal,bebas dan berkerajaan sendiri dalam lingkungan komanwel | 1 |
| | F4 | Berdasarkan Demokrasi Berparlimen dengan dua Dewan Perundangan | 1 |
| | F5 | Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri mempunyai autonomi tertentu | 1 |
| | F6 | Mencadangkan jawatan ketua negara iaitu Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | F7 | Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan | 1 |
| | F8 | Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F9 | Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi PTM | 1 |
| | | | [4 m] |
| (c) | | **Huraikan peranan anda dalam mengamalkan prinsip rukun negara yang ketiga.** | |
| | F1 | Akur dengan ketertinggian perlembagaan | 1 |
| | F2 | Perlembagaan sebagai panduan bagi menjamin pentadbiran yang cekap | 1 |
| | F3 | Patuh kepada peraturan dan undang-undang bagi menegakkan keadilan | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F4 | Taat setia kepada Raja sebagai ketua utama negara | 1 |
| | F5 | Bertanggungjawab dalam mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa | 1 |
| | F6 | Menerima kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi | 1 |
| | F7 | Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan | 1 |
| | F8 | Menerima kedudukan dan hak istimewa orang Melayu | 1 |
| | F9 | Mengiktirafkan kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | M | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | |
| | | | [3 m] |

**SKEMA**

**BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

**(ESEI)**

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Terangkan latar belakang Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu** | |
| | F1 | Ditandatangani pada 5 Ogos 1957 | 1 |
| | F2 | Di King's House, Kuala Lumpur | 1 |
| | F3 | Antara Raja-raja Melayu dengan Sir Donald Macgillivray bagi pihak Queen Elizabeth | 1 |
| | F4 | Menjadi asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | | | [4 m] |
| (b) | | **Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 mengandungi inti pati yang memperlihatkan unsur-unsur permuafakatan di kalangan rakyat. Jelaskan inti pati tersebut.** | |
| | F1 | Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | H1 | Pemilihan Yang di-Pertuan Agong | 1 |
| | H2 | Dilantik dalam kalangan Raja Melayu setiap lima tahun | 1 |
| | F2 | Kedudukan Agama Islam | 1 |
| | H1 | Agama Islam sebagai agama Persekutuan | 1 |
| | H2 | Agama lain boleh diamalkan dengan aman | 1 |
| | F3 | Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | H1 | Memelihara kedudukan istimewa orang Melayu | 1 |
| | H2 | Semua rakyat Persekutuan Tanah Melayu mempunyai hak serta kewajipan yang sama | 1 |
| | H3 | Rakyat keturunan Melayu diberikan keutamaan sebagai rakyat asal | 1 |
| | F4 | Kewarganegaraan | 1 |
| | H1 | Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas merdeka akan menjadi warganegara | 1 |
| | H2 | Tiga cara kewarganegaraan | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H3 | Melalui penguatkuasaan undang-undang,memohondidaftarkan sebagai rakyat dan memohon untuk menukar kewarganegaraan atau naturalisasi | 1 |
| | F5 | Kedudukan Bahasa Melayu | 1 |
| | H1 | Bahasa Melayu diiktirafkan sebagai bahasa kebangsaan | 1 |
| | H2 | Dijadikan bahasa pengantar dan bahasa komunikasi | 1 |
| | | | [8 m] |
| (c) | | **Kejayaan dalam pemeteraian Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipercayai akan memperkukuhkan lagi kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu. Bincangkan bukti untuk mengukuhkan pernyataan di atas.** | |
| | F1 | Pentadbiran yang sistematik diwujudkan | 1 |
| | H1 | Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara | 1 |
| | H2 | Kerajaan diterajui Perdana Menteri dibantu Jemaah Menteri | 1 |
| | H3 | Konsep pengasingan kuasa diamalkan melibatkan Badan Pelaksana,Badan Perundangan dan Badan Kehakiman | 1 |
| | H4 | Pemilihan wakil rakyat dan pembentukan kerajaan melalui pilihan raya | 1 |
| | F2 | Memupuk masyarakat bersatu padu | 1 |
| | H1 | Identiti bangsa diperkukuhkan | 1 |
| | H2 | Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dengan kebebasan agama lain | 1 |
| | H3 | Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan | 1 |
| | H4 | Kedudukan dan hak istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain dipelihara | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

**BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN**
**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

## 10.2 Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

1. Jawatankuasa Persediaan Fizikal dan Sambutan telah ditubuhkan untuk membuat persediaan sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara supaya peristiwa ini bermakna kepada negara dan rakyat .

a) Nyatakan persediaan Jawatankuasa Sambutan untuk memeriahkan Hari Kemerdekaan.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

b) Berikut adalah persediaan fizikal yang dilakukan untuk menonjolkan identiti negara menjelang pemasyhuran kemerdekaan negara 1957.

- Lagu Kebangsaan
- Bendera Kebangsaan

Huraikan latar belakang pembentukan identiti negara di atas.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

c) Perasaan bangga terhadap keunikan kemerdekaan yang telah dicapai perlu ada dalam kalangan rakyat Malaysia. Berikan penjelasan berdasarkan pengetahuan sejarah anda.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

**BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN**
**BAHAGIAN B (ESEI)**

**10.4 Kesan Kemerdekaan Terhadap Negara Kita**
**10.5 Prinsip Kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu**

1. Maklumat berikut erti kemerdekaan

> *.... merdeka bukan sekadar bebas dari cengkaman kuasa dan minda penjajah.Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara dengan apa - apa cara sekalipun.*
>
> *Sumber: Teks ucapan Hari Merdeka 2018 dalam www.pmo.gov.my*

(a) Bincangkan kesan kemerdekaan kepada negara kita.

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

[6 markah]

(b)








Lambang kebangsaan yang merupakan salah satu aspek kedaulatan negara kita. Jelaskan.

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

[6 markah]

(c) Peristiwa kemerdekaan negara perlu dihayati oleh generasi masa kini supaya kedaulatan negara terus terpelihara dan dinikmati generasi akan datang.
Beri ulasan anda.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[8 markah]

## SKEMA

## BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

| Soalan | | Cadangan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Nyatakan persediaan Jawatankuasa Sambutan untuk memeriahkan Hari Kemerdekaan.** | |
| | F1 | Bangunan di bandar dihiasi lampu | 1 |
| | F2 | Menempah 75000 bendera persekutuan | 1 |
| | F3 | Pakaian khas untuk Menteri dan pegawai tinggi | 1 |
| | F4 | Kursus protokol | 1 |
| | F5 | Pemberian gaji seminggu awal | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | **Huraikan latar belakang pembentukan identiti negara di atas. (*Lagu Kebangsaan *Bendera Kebangsaan)** | |
| | | **Lagu Kebangsaan.** | |
| | F1 | Cadangan daripada Tunku Abdul Rahman. | 1 |
| | F2 | Diciptakan lagu rasmi kebangsaan. | 1 |
| | F3 | Untuk diperdengarkan semasa upacara Perisytiharan Kemerdekaan. | 1 |
| | F4 | Jawatankuasa Pemilihan dibentuk. | 1 |
| | F5 | Lagu Negaraku dicipta sebagai lagu kebangsaan. | 1 |
| | F6 | Berasal daripada lagu Terang Bulan/lagu negeri Perak. | 1 |
| | F7 | Liriknya ditulis oleh Encik Saiful Bahari | 1 |
| | | **Bendera Kebangsaan.** | |
| | F8 | Penggunaan bendera Persekutuan yang sedia ada. | 1 |
| | F9 | Reka bentuknya dicipta oleh Encik Mohamed Hamzah. | 1 |
| | F10 | Dikibarkan secara rasmi pada 26 Mei 1950. | 1 |
| | F11 | Di Istana Sultan Selangor. | 1 |
| | | | [4 m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (c) | | **Perasaan bangga terhadap keunikan kemerdekaan yang telah dicapai perlu ada dalam kalangan rakyat Malaysia. Berikan penjelasan berdasarkan pengetahuan sejarah anda.** | |
| | F1 | Mengeratkan perpaduan | 1 |
| | H1 | saling menghormati antara satu sama lain | 1 |
| | H2 | bertolak ansur | 1 |
| | H3 | menjamin kesetiaan rakyat | 1 |
| | H4 | mengelak perbalahan | 1 |
| | C1 | Contoh menghayati Rukun Negara | 1 |
| | F2 | Pemimpin yang bijaksana | 1 |
| | H1 | bekerjasama untuk mencapai kesepakatan | 1 |
| | H2 | mengetepikan kepentingan peribadi | 1 |
| | H3 | mengutamakan rundingan untuk menyelesaikan masalah | 1 |
| | C2 | Pilihanraya yang melibatkan pelbagai parti berbilang kaum | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

# SKEMA
## BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN
## BAHAGIAN B (ESEI)

| Soalan | | Cadangan | M |
|---|---|---|---|
| 1 | | **Bincangkan kesan kemerdekaan kepada negara kita** | |
| (a) | F1 | Pengamalan sistem raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | H1a | Yang DiPertuan Agong menjadi ketua Negara | 1 |
| | F2 | Sistem Demokrasi berparlimen diamalkan | 1 |
| | H2a | Rakyat berkuasa memilih pemerintah/memiliki hak bersuara | 1 |
| | H2b | Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya | 1 |
| | H2c | Pilihan raya memberi rakyat hak bersuara dan memilih wakil untuk menentukan hala tuju masa depan dan kesejahteraan negara | 1 |
| | H2d | Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan | 1 |
| | H2e | Peringkat negeri, Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang² | 1 |
| | F3 | Negara ditadbir oleh rakyat tempatan | 1 |
| | H3a | Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Perdana Menteri | 1 |
| | H3b | Negara memainkan peranan penting dalam organisasi antarabangsa seperti PBB | 1 |
| | H3c | Negara mendapat pengiktirafan antarabangsa | 1 |
| | F4 | Ekonomi Negara berkembang pesat | 1 |
| | H4a | Penubuhan FELDA | 1 |
| | H4b | Rancangan Malaya Pertama | 1 |
| | H4c | penubuhan institusi kewangan | 1 |
| | H4d | Bank Negara/ Malay National Bank/ Kwong Yik Bank | 1 |
| | H4e | Pembangunan Luar Bandar | 1 |
| | H4f | Rancangan Buku Merah | 1 |
| | F5 | Pembangunan sosial ditingkatkan | 1 |
| | H5a | Pendidikan / Penyata Rahman Talib diwujudkan | 1 |
| | H5b | Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka | 1 |
| | H5c | Penubuhan Jabatan Penerangan | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H5d | Kemudahan awam / bekalan air /bekalan elektrik disediakan | 1 |
| | H5e | Hospital/pusat kesihatan dibina di luar bandar | 1 |
| | | | [6 m] |
| (b) | | **Lambang kebangsaan merupakan salah satu aspek kedaulatan negara kita. Jelaskan.** | |
| | F1 | Jata Negara/Lagu Kebangsaan/ Bendera menjadi identiti negara | 1 |
| | F2 | menjadi jati diri rakyat | 1 |
| | F3 | menjadi simbol perpaduan | 1 |
| | F4 | mempunyai pengertian berdasarkan sosio-budaya dan sejarah negara | 1 |
| | F5 | mempunyai nilai kedaulatan yang tersendiri | 1 |
| | F6 | menjadi lambang jati diri negara | 1 |
| | F6 | Rakyat perlu menghormati simbol rasmi negara | 1 |
| | | | [6 m] |
| (c) | | **Peristiwa kemerdekaan negara perlu dihayati oleh generasi masa kini supaya kedaulatan negara terus terpelihara dan dinikmati generasi akan datang. Beri ulasan anda** | |
| | F1 | Mengeratkan perpaduan | 1 |
| | H1 | saling menghormati antara satu sama lain | 1 |
| | H2 | bertolak ansur | 1 |
| | H3 | menjamin kesetiaan rakyat | 1 |
| | H4 | mengelak perbalahan | 1 |
| | C1 | menghayati Rukun Negara | 1 |
| | F2 | Memastikan kestabilan negara | 1 |
| | H1 | memimpin secara adil | 1 |
| | H2 | memajukan ekonomi negara | 1 |
| | H3 | mengutamakan hak rakyat | 1 |
| | H4 | menjamin keadilan | 1 |
| | C1 | rakyat mematuhi undang-undang negara | 1 |
| | F3 | Menjaga keselamatan negara | 1 |
| | F4 | Mewujudkan sistem pentadbiran yang teratur | 1 |
| | | *[Mana-mana jawapan yang munasabah]* | [8 m] |

# BAB 1: KEDAULATAN NEGARA

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

### 1.1 Konsep Kedaulatan

1.

> Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.
>
> *Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Perdana Menteri Malaysia Pertama)*
> *Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Political Awakening. Petaling Jaya: Pelanduk Publication Sdn.Bhd.*

a) Nyatakan takrif kedaulatan.

________________________________________

________________________________________

[2 markah]

b) Berikan dua jenis kedaulatan.

(i)________________________________________

(ii)________________________________________

[2 markah]

c) Jelaskan jenis kedaulatan di (b).

________________________________________

________________________________________

________________________________________

[2 markah]

d) Rakyat perlu menggunakan kebijaksanaan bagi menghadapi cabaran demi mengekalkan kedaulatan negara kita.
Jelaskan penyataan tersebut.

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

[4 markah]

**1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan Negara**

2. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah mengukuhkan serta memantapkan negara bangsa kita yang bebas dan berdaulat.

a) Mengapakah negara berdaulat perlu diwujudkan ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

b) Jelaskan peranan pemerintah bagi langkah mempertahankan kedaulatan negara yang berikut :

(i) Mengekalkan perpaduan kaum.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

(ii) Mengukuhkan pertahanan negara.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

c) Berikut merupakan sebahagian daripada lirik lagu Keranamu Malaysia.

Keranamu kami mendakap tuah
Keranamu kami bangsa berjaya
Keranamu kami hidup selesa
Limpah budi kemakmuran negara

Keranamu kami bebas merdeka
Keranamu nyawa dipertaruhkan
Keranamu rela kami berjuang
Demi bangsa kedaulatan negara

Berdasarkan lirik lagu di atas, jelaskan peranan rakyat dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara.

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

[4 markah]

**SKEMA**

**BAB 1: KEDAULATAN NEGARA**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1. (a) | | **Nyatakan takrif kedaulatan.** | |
| | F1 | Supernus/superanus/sovereignty/daulah | 1 |
| | F2 | Agung / kuasa tertinggi | 1 |
| | F3 | Kuasa penuh terhadap pemerintahan/ Pemerintahan sesebuah kerajaan | 1 |
| | F4 | Negara yang bebas/ merdeka | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | **Berikan dua jenis kedaulatan.** | |
| | F1 | Kedaulatan Tradisional | 1 |
| | F2 | Kedaulatan Moden | 1 |
| | F3 | Kedaulatan Undang-undang | 1 |
| | F4 | Kedaulatan Antarabangsa | 1 |
| | | | [2 m] |
| (c) | | **Jelaskan jenis kedaulatan di (b).** | |
| | | **Kedaulatan Tradisional** | |
| | F1 | Sistem pemerintahan berkuasa mutlak | 1 |
| | F2 | Wujud sejak tamadun awal manusia | 1 |
| | F3 | Berpaksi kepada kedaulatan Raja-raja Melayu | 1 |
| | F4 | Terletak kepada kekuasaan/kewibawaan raja | 1 |
| | F5 | Mempunyai kuasa tertinggi | 1 |
| | F6 | Diperkukuh dengan taat setia oleh rakyat. | 1 |
| | | **Kedaulatan Moden** | |
| | F1 | Kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan/ Perancis | 1 |
| | F2 | Berkaitan dengan hak rakyat dan kerajaan dalam perlembagaan | 1 |
| | F3 | Persamaan rumpun bangsa (selepas PD1) | 1 |
| | | **Kedaulatan Undang-undang** | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F1 | Kerajaan dan rakyat terikat dengan undang-undang | 1 |
| | F2 | Menjamin keadilan dalam kehidupan | 1 |
| | F3 | Negara aman/ stabil/ makmur | 1 |
| | F4 | Mewujudkan bahan kehakiman yang bebas dan berwibawa | 1 |
| | F5 | Prinsip keempat Rukun Negara | 1 |
| | | **Kedaulatan Antarabangsa** | |
| | F1 | Pengiktirafan yang diberikan oleh PBB | 1 |
| | F2 | Tidak boleh dicabuli oleh negara lain | 1 |
| | F3 | Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970 | 1 |
| | F4 | Persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabanagsa | 1 |
| | F5 | Mengiktiraf negara yang bebas, merdeka dan berdaulat | 1 |
| | | | [2 m] |
| (d) | | **Rakyat perlu menggunakan kebijaksanaan bagi menghadapi cabaran demi mengekalkan kedaulatan negara kita. Jelaskan penyataan tersebut.** | |
| | F1 | Mengekalkan kedaulatan juga tanggungjawab rakyat | 1 |
| | F2 | Rakyat menumpahkan taat setia kepada raja dan negara | 1 |
| | F3 | Tidak melakukan tindakan yang mencemarkan maruah bangsa dan negara | 1 |
| | F4 | Bertoleransi antara kaum | 1 |
| | F5 | Menggunakan saluran/medium yang betul | 1 |
| | F6 | Bertindak mengikut undang-undang | 1 |
| | F7 | Tidak memprovokasi pihak lain | 1 |
| | F8 | Berfikiran rasional | 1 |
| | F9 | Menjadi rakyat yang berpengetahuan | 1 |
| | | *[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

| Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 2. (a) | | **Mengapakah negara berdaulat perlu diwujudkan ?** | |
| | F1 | Keberkesanan pentadbiran | |
| | F2 | Kebebasan negara menjalankan pentadbiran | 1 |
| | F3 | Tanpa campur tangan pihak luar | 1 |
| | F4 | Kemakmuran ekonomi | 1 |
| | F5 | Meningkatkan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F6 | Kesejahteraan sosial | 1 |
| | F7 | Melahirkan generasi yang berilmu/ berkemahiran | 1 |
| | F8 | Kecemerlangan hubungan luar negara | 1 |
| | F9 | Hak untuk menjalinkan kerjasama dengan negara lain | 1 |
| | F10 | Menggubal dasar luar negara | 1 |
| | | *[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | 1 |
| | | | [2 m] |
| (b) | | (i) **Mengekalkan perpaduan kaum.** | |
| | F1 | Pemerintah dan rakyat saling bekerjasama | 1 |
| | F2 | Pemerintah menggubal undang-undang/ dasar | 1 |
| | F3 | Memastikan keberkesanaan pelaksanaan undang-undang/ dasar | 1 |
| | F4 | Merangka program/ kempen | 1 |
| | F5 | memupuk integrasi nasional | 1 |
| | F6 | Memperuntukkan perbelanjaan | 1 |
| | | *[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | [2 m] |
| | | (ii) **Mengukuhkan pertahanan negara.** | |
| | F1 | Menggubal dasar/ undnag-undang | 1 |
| | F2 | Melindungi keselamatan negara | 1 |
| | F3 | Mengadakan perjanjian pertahanan | 1 |
| | F4 | Mengadakan latihan ketenteraan | 1 |
| | F5 | Memodenkan aset ketenteraan | 1 |
| | F6 | Mengukuhkan pasukan pertahanan | 1 |
| | F7 | Memastikan pasukan/ aset ketenteraan siap siaga | 1 |
| | | *[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | [2 m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (c) | | **Berdasarkan lirik lagu di atas, jelaskan peranan rakyat dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara.** | |
| | F1 | Menghormati negara dan bangsa/ pemerintah/ raja | 1 |
| | F2 | Menumpahkan taat setia kepada negara/ raja | 1 |
| | F3 | Menjadi bangsa yang berjaya/ berilmu | 1 |
| | F4 | Sanggup berkorban mempertahankan negara dan bangsa | 1 |
| | F5 | Bersedia berjuang untuk negara | 1 |
| | F6 | Sentiasa mengekalkan keamanan negara | 1 |
| | F7 | Menjaga hubungan/ perpaduan antara kaum/ bertoleransi | 1 |
| | F8 | Membantu meningkatkan imej negara dalam bidang | 1 |
| | F9 | pendidikan/ekonomi | 1 |
| | F10 | Menghargai perjuangan tokoh/ pemimpin | 1 |
| | F11 | Menyokong dasar/ program kerajaan | 1 |
| | F12 | Menghormati lambang negara | 1 |
| | | Menyanjungi adat warisan bangsa | 1 |
| | | *[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

**BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

**2.4 Pindaan Perlembagaan 1963 dan 1965**

1. Perlembagaan Persekutuan 1963 merupakan asas kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

   (a) Jelaskan maksud perlembagaan.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   [3 markah]

   (b) Nyatakan **tiga** contoh pindaan yang telah dilakukan terhadap Perlembagaan 1965.

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   [3 markah]

   (c) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang digubal pada tahun 1957 telah mengalami beberapa pindaan penting sehingga kini.
   Mengapakah perlembagaan perlu dipinda dari semasa ke semasa?

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   ______________________________________________

   [4 markah]

**SKEMA**

**BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Jelaskan maksud perlembagaan** | |
| | F1 | Undang-undang tertinggi negara | 1 |
| | F2 | Unsur penting dalam negara | 1 |
| | F3 | Menjadi teras sistem pemerintahan negara | 1 |
| | F4 | Mempunyai unsur tradisional dan moden | 1 |
| | F5 | Merupakan dokumen bertulis | 1 |
| | F6 | Digubal berdasarkan unsur sedia ada dan juga tambahan unsur baharu | 1 |
| | F7 | Menjadi panduan kepada kerajaan untuk memerintah negara | 1 |
| | | | [3m] |
| 1 (b) | | **Nyatakan tiga contoh pindaan yang telah dilakukan terhadap Perlembagaan 1965.** | |
| | F1 | Imigresen | 1 |
| | F2 | Kewangan | 1 |
| | F3 | Hubungan luar negara | 1 |
| | F4 | Pertahanan | 1 |
| | | | [3m] |
| 1 (c) | | **Mengapakah perlembagaan perlu dipinda dari semasa ke semasa?** | |
| | F1 | Menyesuaikan peruntukan negeri baharu dalam perlembagaan | 1 |
| | H1a | Memasukkan klausa Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia | 1 |
| | H1b | Menyesuaikan perlembagaan dengan keperluan semasa | 1 |
| | H1c | Menyesuaikan kedudukan Mahkamah Atasan, pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo serta jawatan Yang di-Pertua Negeri | 1 |
| | F2 | Pindaan Perlembagaan 1965 | 1 |
| | H2a | Pindaan Singapura dalam perlembagaan | 1 |
| | H2b | Singapura keluar daripada Malaysia | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H2c | Semua perkara berkaitan dengan Singapura dalam perlembagaan dimansuhkan.<br>*[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | 1<br><br>[4m] |

## BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

## BAHAGIAN A (STRUKTUR)

### 3.2 Institusi Majlis Raja-Raja

1 Rajah berikut berkaitan dengan sejarah institusi pemerintahan beraja di negara kita.

| 1897 DURBAR | → | 1946 Majlis Sultan | → | 1948 Majlis Raja-raja | → | 1957 Majlis Raja-raja |
|---|---|---|---|---|---|---|

a) Apakah yang anda faham tentang Durbar?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[2 markah]

b) Jelaskan fungsi Majlis Raja-Raja mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

c) Majlis Raja-Raja berperanan penting sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di Malaysia.
Beri ulasan anda.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[4 markah]

**3.3 Kuasa YDPA**

2 Rajah berikut berkaitan dengan kuasa dan peranan Yang Di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara kita sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.




a) Di bawah kuasa Eksekutif, Yang Di-Pertuan Agong berperanan membuat pelantikan jawatan-jawatan penting negara.
Senaraikan dua jawatan tersebut.

(i) ______________________________

(ii) ______________________________

[2 markah]

b) Terangkan kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam perundangan.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 markah]

c) Petikan berikut berkaitan dengan pemerintahan beraja di negara kita.

> Pemerintahan beraja di Malaysia dikatakan paling unik berbanding negara lain yang mengamalkan pemerintahan beraja. Ini kerana di negara-negara berkenaan takhta pemerintahan terus kekal dikuasai waris tetapi di Malaysia, Raja yang memegang jawatan sebagai ketua negara atau dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong bertukar mengikut giliran dalam kalangan sembilan Sultan atau Raja yang memerintah negeri.
>
> *https://www.mstar.com.my/lokal/semasa*

Kita perlu berbangga dengan sistem pemerintahan beraja di negara kita. Huraikan.

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

[4 markah]

**BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**

**BAHAGIAN B (ESSEI)**

**3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingkan Kuasa**

1 Rajah berikut berkaitan ciri-ciri Demokrasi Berparlimen di negara kita berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.




a) Apakah kebebasan asasi tersebut?

[6 markah]

b) Kuasa pemerintahan di negara kita diasingkan kepada tiga badan iaitu badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman.

(i) Terangkan tentang badan eksekutif.

[6 markah]

(ii) Pengasingan kuasa ini adalah penting untuk mewujudkan pemerintahan yang sistematik. Jelaskan.

[8 markah]

**SKEMA**

**BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**

**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

| Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Apakah yang anda faham tentang Durbar?** | |
| | F1 | Merupakan perjumpaan / persidangan umum | 1 |
| | F2 | diadakan oleh Raja-raja Melayu dengan British | 1 |
| | F3 | Pembentukkannya seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) | 1 |
| | F4 | Dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British | 1 |
| | F5 | Ahlinya terdiri daripada Raja-raja Melayu (Perak , Selangor, Negeri Sembilan, Pahang) | 1 |
| | F6 | Residen British di NNMB | 1 |
| | F7 | Setiausaha NNMB | 1 |
| | F8 | Peranannya ialah membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British | 1<br>[2 m] |
| (b) | | **Jelaskan fungsi Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan**. | |
| | F1 | Memilih YDPA dan timbalan YDPA | 1 |
| | F2 | Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja. | 1 |
| | F3 | Memberi nasihat dalam pelantikan jawatan tertentu | 1 |
| | F4 | Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F5 | Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu | 1 |
| | F6 | Memperkenankan perubahan sempadan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan | 1 |
| | F7 | Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu. | 1<br>[4 m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (c) | | **Majlis Raja-Raja berperanan penting sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di Malaysia. Beri ulasan anda**. | |
| | F | Majlis Raja-Raja melaksanakan peranan penting sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di Malaysia iaitu sebagai satu institusi yang perlu dirundingi dalam perlantikan jawatan penting negara | 1 |
| | C | seperti Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, Ketua Audit Negara dan Ketua Hakim Negara | 1 |
| | H1 | Hal ini kerana jawatan ini perlu menjadi jawatan yang bebas dari mana-mana parti politik atau kepentingan individu | 1 |
| | H2 | serta melaksanakan tugas dengan adil dalam apa jua situasi. | 1 |
| | Inf | Kesannya, kestabilan politik dapat dikekalkan dan pemerintahan negara dapat berjalan lancar. | 1 |
| | | *[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

| Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 2 (a) | | **Di bawah kuasa Eksekutif, YDPA berperanan membuat pelantikan jawatan-jawatan penting negara.**<br>**Senaraikan dua jawatan tersebut**. | |
| | F1 | Perdana Menteri | 1 |
| | F2 | Menteri-menteri | 1 |
| | F3 | Timbalan-timbalan Menteri | 1 |
| | F4 | Peguam Negara | 1 |
| | F5 | Ketua Hakim Negara | 1 |
| | F6 | Hakim Mahkamah Atasan | 1 |
| | F7 | Panglima Angkatan Tentera | 1 |
| | F8 | Ketua Audit Negara | 1 |
| | F9 | Pengerusi / Ahli Suruhanjaya Pilihanraya | 1 |
| | F10 | Ahli Suruhanjaya Polis | 1 |
| | F11 | Ketua Hakim Negara | 1 |
| | F12 | Hakim Mahkamah Atasan | 1 |
| | | *[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | [2 m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| (b) | | **Terangkan kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam perundangan.** | |
| | F1 | YDPA memperkenankan sesuatu rang undang-undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara | 1 |
| | F2 | YDPA mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang | 1 |
| | F3 | YDPA juga berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen | 1 |
| | F4 | YDPA merupakan ketua agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F5 | YDPA bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F6 | Baginda juga bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia | 1 |
| | F7 | YDPA boleh membuat perisytiharan darurat | 1 |
| | F8 | Perisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara | 1<br>[4 m] |
| (c) | | **Kita perlu berbangga dengan sistem pemerintahan beraja di negara kita. Jelaskan**. | |
| | F1 | Kita perlu berbangga kerana pemerintahan beraja di negara kita paling unik malah berbeza dengan negara lain yang sama-sama mengamalkan bentuk pemerintahan beraja. | 1 |
| | H1 | Raja yang memegang tampuk Ketua Utama Negara / Yang di-Pertuan Agong dipilih mengikit giliran bukan melalui sistem warisan. | 1 |
| | H2 | Giliran ini melibatkan sembilan orang Sultan yang memerintah negeri di Malaysia iaitu Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Perlis, Kelantan, Johor dan Terengganu. | 1 |
| | H3 | Hal ini membolehkan sultan yang memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong bertukar setiap lima tahun sekali. | 1 |
| | C | Contohnya, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah merupakan YDPA yang ke 16. | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Inf | Impaknya, sistem pemerintahan beraja telah memakmurkan negara kita dengan menjadi pengimbang dalam sistem demokrasi Malaysia. | 1<br>1 |
| | | *[Mana-mana Jawapan yang munasabah]* | [4 m] |

**SKEMA**

**BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**

**BAHAGIAN B (ESSEI)**

| Soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | | **Apakah kebebasan asasi tersebut?** | |
| | F1 | Kebebasan diri | 1 |
| | F2 | Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya | 1 |
| | F3 | atau dilucutkan kebebasannya kecuali mengikut undang-undang | 1 |
| | F4 | Kebebasan beragama | 1 |
| | F5 | Islam ialah agama persekutuan | 1 |
| | F6 | Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing | 1 |
| | F7 | Hak berkenaan dengan pendidikan | 1 |
| | F8 | Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir | 1 |
| | F9 | Kebebasan bersuara | 1 |
| | F10 | Berhimpun | 1 |
| | F11 | Berpersatuan / membentuk persatuan | 1 |
| | F12 | Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara / berhimpun secara aman | 1 |
| | | | [6 m] |
| (c) | (i) | **Terangkan tentang badan eksekutif** | |
| | F1 | Merupakan badan pemerintah | 1 |
| | F2 | Badan yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan | 1 |
| | F3 | Badan Eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri | 1 |
| | F4 | Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F5 | dan Menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan, Menteri Pendidikan dan lain-lain | 1 |
| | F6 | Tugas Jemaah Menteri ialah menggubal dasar negara | 1 |
| | F7 | dan melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri | 1 |
| | F8 | Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri | 1 |
| | F9 | Perdana Menteri memimpin kerajaan | 1 |
| | F10 | Perdana Menteri menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan | 1 |
| | F11 | Anggota Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama | 1 |
| | F12 | secara kolektif kepada Parlimen | 1 |
| | F13 | Setiap menteri mesti mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri | 1 |
| | F14 | Sekiranya seseorang menteri tidak bersetuju dengan dasar kerajaan , beliau hendaklah meletak jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri. | 1 |
